

03/07/1998

CPF: PM hairan sikap Singapura

KULIM, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hairan dengan sikap kerajaan Singapura yang mengamalkan dasar berlainan terhadap Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak berhubung Kumpulan Wang Simpanan Pusat (CPF) republik itu.

Menurut Perdana Menteri, beliau juga tidak faham mengapa kerajaan Singapura menganggap Sabah dan Sarawak, bukan sebahagian daripada Malaysia.

"Kalau pekerja dari Sabah dan Sarawak berhenti kerja di Singapura, mereka akan dapat balik wang CPF, tetapi kalau itu membabitkan pekerja dari Semenanjung, tak boleh.

"Ini yang menghairankan kerajaan. Kita hairan mengapa kerajaan Singapura tidak menyifatkan Sabah dan Sarawak sebahagian daripada Malaysia, khususnya berhubung CPF.

"Ini menunjukkan pada pandangan kerajaan Singapura, ada perbezaan antara orang Semenanjung dan rakyat Sabah dan Sarawak," katanya kepada pemberita pada sidang akhbar selepas merasmikan kilang AIC Semiconductor di Taman Teknologi Tinggi Kulim, di sini hari ini.

AIC Semiconductor satu-satunya kilang semikonduktur milik Bumiputera di negara ini, dimulakan dengan pelaburan awal RM78 juta. Ia dikuasai AIC Technologies Bhd (55 peratus), AIC Corporation Bhd (10 peratus), Atmel Corp, Amerika Syarikat (20 peratus) dan Sierra Way Sdn Bhd (15 peratus).

Dr Mahathir berkata demikian apabila ditanya mengenai laporan akhbar hari ini yang memetik Menteri Sumber Manusia, Datuk Lim Ah Lek, sebagai berkata, Malaysia meminta Singapura membayar wang CPF kepada pekerja Semenanjung yang tidak lagi bekerja atau meninggalkan negara itu.

Menurutnya, berdasarkan sistem yang diamalkan kerajaan republik itu sekarang, beliau sendiri tidak tahu sama ada Sabah dan Sarawak adalah negeri lain atau sebahagian Malaysia.

Bagaimanapun, katanya, kerajaan Malaysia akan mengadakan rundingan dengan kerajaan Singapura untuk mencari jalan mengembalikan wang CPF kepada pekerja Semenanjung.

Semalam, Lim dilaporkan berkata, kementeriannya akan mengemukakan permintaan rasmi kepada kerajaan Singapura supaya membenarkan pekerja Semenanjung mengeluarkan caruman mereka dalam CPF.

Pada masa ini, pekerja dari Sabah dan Sarawak yang berhenti kerja di republik itu dibenarkan mengeluarkan caruman mereka, manakala rakyat dari Semenanjung hanya boleh mengeluarkan CPF, apabila usia mereka mencapai 55 tahun.

(END)